

04/01/2001

Bangga kejayaan industri automobil Malaysia

Arman

HATI saya tergerak untuk menulis mengenai kegemilangan negara kita Malaysia yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kejayaan Malaysia dapat dilihat dengan perkembangan teknologi industri automobil nasional ke-8 iaitu Proton Waja yang membawa dimensi baru terhadap perkembangan teknologi permotoran di Malaysia.

Nampaknya hasrat Malaysia menjadi negara pengeluar kereta dunia sudah menampakkan hasilnya. Satu ketika dahulu rakyat seperti tidak yakin dengan wawasan yang dikemukakan pemimpin kita itu, tetapi kini semua sudah berubah.

Ini samalah dengan kisah negara Jepun mula mengeksport motosikal Honda ke Malaysia. Rakyat Malaysia kurang yakin dengan kemampuan Negara Matahari Terbit itu menyaingi kehebatan motosikal Norton dan Triump ketika itu, tetapi dengan kegigihan dan keyakinan rakyat Jepun yang tinggi dan usaha mereka yang tidak mengenal putus asa, akhirnya menjadikan mereka sebuah negara pengeluar automobil terkenal di dunia.

Saya fikir adalah tidak mustahil kejayaan negara kita satu hari nanti menguasai industri ini. Segala-galanya bermula daripada wawasan keramat pemimpin kita yang berjaya mencetuskan semarak semangat rakyat negara ini. Sesungguhnya kita mempunyai tenaga profesional bertaraf dunia, tetapi tanpa dorongan dan sokongan daripada pemimpin sudah tentu tenaga ini akan terbazir begitu saja dan menjadi pengguna terhadap teknologi orang lain.

Pemimpin kita begitu serius terhadap kemajuan negara, dengan hasrat meletakkan Malaysia sebaris negara maju di dunia. Sampai bila kita harus diperlekehkan, ayuh rakyat Malaysia bangun menyokong warisan kepemimpinan negara menuju alaf baru.